

<b>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</b>		<b>TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD</b> (Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)												
(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih "IKHLAS Motorcycle Takaful". Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)		<b>IKHLAS MOTORCYCLE TAKAFUL</b>												
		Tarikh: 01/09/2019												
<b>1) Produk apakah ini?</b>	Sijil ini memberikan perlindungan sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan ke atas motosikal anda termasuk juga liabiliti pihak lain. Sijil ini juga melindungi kematian atau kecederaan pihak lain, kerosakan harta pihak lain disebabkan kemalangan yang berpunca dari penggunaan motosikal anda.													
<b>2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tabarru'</b> - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta dan akan digunakan untuk membantu Peserta yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.</li> <li>• <b>Wakalah</b> - merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</li> <li>• <b>Lebihan</b> - Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada peserta. Sekiranya jumlah untuk peserta kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak peserta. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.</li> </ul>													
<b>3) Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?</b>	<p>Pelan ini melindungi:</p> <p>(a) Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga;</p> <p>(b) Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga;</p> <p>(c) Kerugian atau kerosakan pada kenderaan sendiri yang disebabkan oleh kebakaran atau kecurian yang tidak disengajakan; dan</p> <p>(d) Kerugian atau kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan.</p> <p><b>Nota:</b> Senarai di atas akan dilindungi di bawah perlindungan "Komprehensif". Hanya (d) dilindungi di bawah perlindungan "Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga". Hanya (a) dan (b) dilindungi di bawah perlindungan "Pihak ketiga"</p> <p><b>Perkhidmatan Percuma Servis Bantuan Kecemasan 24 jam – Bantuan IKHLAS</b> Perkhidmatan percuma 24 jam yang termasuk perkhidmatan menunda akibat kemalangan dan kerosakan, bantuan tepi jalan dan perkhidmatan penghantaran bateri.</p> <p>Manfaat pilihan disediakan dengan tambahan sumbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Liabiliti Undang-undang terhadap Pembonceng (LLP);</li> <li>• Perlindungan tambahan bencana khas;</li> <li>• Perlindungan aksesori yang dipasang pada motosikal ;</li> <li>• Mogok, rusuhan dan kekecohan awam.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang ke atas motor takaful anda.</p> <p>Sila rujuk sijil untuk senarai lengkap manfaat pilihan yang disediakan. Tempoh perlindungannya ialah selama satu (1) tahun. Anda dikehendaki membaharui sijil anda setiap tahun.</p>													
<b>4) Berapakah jumlah Sumbangan yang perlu dibayar?</b>	<p>Jumlah Sumbangan yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada faktor-faktor penilaian dalam mempertimbangkan harga. Beberapa faktor risiko termasuk umur, pembuatan kenderaan, umur kenderaan anda, keperluan amaun perlindungan dan kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD) anda. Contoh:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Perlindungan Komprehensif</b></th> <th><b>RM</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sumbangan Asas</td> <td>2,000.00</td> </tr> <tr> <td><b>Kurang NCD (25%)</b></td> <td>-500.00</td> </tr> <tr> <td><b>Tambah Perlindungan Tambahan (LLP)</b></td> <td>150.00</td> </tr> <tr> <td><b>Tambah Duti Setem</b></td> <td>10.00</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah Sumbangan</b></td> <td><b>1,660.00</b></td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Nota:</b> Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Jumlah sumbangan, tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.</p>		<b>Perlindungan Komprehensif</b>	<b>RM</b>	Sumbangan Asas	2,000.00	<b>Kurang NCD (25%)</b>	-500.00	<b>Tambah Perlindungan Tambahan (LLP)</b>	150.00	<b>Tambah Duti Setem</b>	10.00	<b>Jumlah Sumbangan</b>	<b>1,660.00</b>
<b>Perlindungan Komprehensif</b>	<b>RM</b>													
Sumbangan Asas	2,000.00													
<b>Kurang NCD (25%)</b>	-500.00													
<b>Tambah Perlindungan Tambahan (LLP)</b>	150.00													
<b>Tambah Duti Setem</b>	10.00													
<b>Jumlah Sumbangan</b>	<b>1,660.00</b>													
<b>5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Yuran/Caj</b></th> <th><b>Amaun</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Yuran Wakalah</td> <td>40%* daripada sumbangan yang terdiri dari: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komisen – sehingga maksimum 10%</li> <li>• Perbelanjaan lain* – 30%</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>Duti Setem</td> <td>RM10.00</td> </tr> <tr> <td>Cukai yang digunapakai</td> <td>Kadar semasa yang dikenakan.</td> </tr> <tr> <td>Yuran Pembatalan</td> <td>RM10.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Yuran yang berbeza mungkin terpakai untuk perlindungan pilihan masing-masing.</p>		<b>Yuran/Caj</b>	<b>Amaun</b>	Yuran Wakalah	40%* daripada sumbangan yang terdiri dari: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komisen – sehingga maksimum 10%</li> <li>• Perbelanjaan lain* – 30%</li> </ul>	Duti Setem	RM10.00	Cukai yang digunapakai	Kadar semasa yang dikenakan.	Yuran Pembatalan	RM10.00		
<b>Yuran/Caj</b>	<b>Amaun</b>													
Yuran Wakalah	40%* daripada sumbangan yang terdiri dari: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komisen – sehingga maksimum 10%</li> <li>• Perbelanjaan lain* – 30%</li> </ul>													
Duti Setem	RM10.00													
Cukai yang digunapakai	Kadar semasa yang dikenakan.													
Yuran Pembatalan	RM10.00													

<p>6)</p>	<p><b>Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?</b>  <b>Keperluan Pendedahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon produk takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk produk ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat.</li> <li>Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.</li> <li>Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga sijil anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.</li> <li>Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk produk ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami untuk menerima atau tidak risiko ini dan menentukan kadar terma yang hendak digunapakai.</li> <li>Anda juga mempunyai kewajipan untuk segera memberitahu kami sekiranya setelah sijil anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa makluma tyang dinyatakan di dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.</li> </ul> <p><b>Tunai Sebelum Perlindungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Adalah menjadi asas dan syarat mutlak perjanjian sijil ini di mana sumbangan penuh dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sijil ini kecuali sumbangan tersebut dibayar pada atau sebelum permulaan perlindungan.</li> <li>Anda dinasihatkan untuk membayar sumbangan terus kepada kami, sama ada dengan wang tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibuat hanya atas nama Syarikat sahaja).</li> </ul> <p><b>Jumlah untuk Dilindungi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Anda harus memastikan kenderaan anda dilindungi pada jumlah yang sepatutnya.</li> </ul> <p><b>Ekses Semua Tuntutan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah kerugian yang harus anda tanggung jika kenderaan anda mengalami kerugian atau kerosakan.</li> </ul> <p><b>Ekses wajib</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah kerugian sebanyak RM200.00 yang perlu anda tanggung bagi setiap tuntutan yang kami luluskan, walaupun kejadian itu bukan salah anda.</li> </ul>
<p>7)</p>	<p><b>Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil ini?</b>  Sijil ini tidak melindungi kerugian atau kehilangan tertentu, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kematian atau kecederaan tubuh badan sendiri akibat dari kemalangan motor*</li> <li>Liabiliti daripada tuntutan penumpang anda akibat dari kemalangan motor*</li> <li>Kehilangan, kerosakan atau tuntutan liabiliti dari malapetaka alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh*; dan</li> <li>Kehilangan turutan, susutnilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal dan elektronik.</li> </ul> <p>*Perlindungan untuk yang berikut boleh dilakukan berasingan melalui endorsmen yang ditawarkan</p> <p><b>Nota:</b> <i>Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah sijil ini.</i></p>
<p>8)</p>	<p><b>Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?</b>  Anda boleh membatalkan sijil ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan sumbangan untuk kadar pro-rata bagi tempoh sijil yang belum luput, tertakluk kepada sumbangan minimum sebanyak RM25.00 yang diperlukan oleh pihak kami. Tiada pulangan sumbangan dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah sijil ini.</p>
<p>9)</p>	<p><b>Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?</b>  Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.</p>
<p>10)</p>	<p><b>Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</b>  Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai "Motor Takaful", sila rujuk kepada buku panduan <i>info insurers</i> mengenai "Motor Takaful". Anda boleh dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web <a href="http://www.insuranceinfo.com.my">www.insuranceinfo.com.my</a></p> <p>Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai "IKHLAS Motorcycle Takaful", sila hubungi kami di:</p> <p><b>Takaful Ikhlas General Berhad</b>  Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.</p> <p>Tel: 03-2723 9696  Faks: 03-2723 9998  Laman sesawang : <a href="http://www.takaful-ikhlas.com.my">www.takaful-ikhlas.com.my</a>  Emel: <a href="mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my">ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my</a></p>
<p>11)</p>	<p><b>Produk seumpama yang boleh didapati?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>IKHLAS Private Car Takaful</li> <li>IKHLAS Commercial Vehicle Takaful</li> <li>IKHLAS Motor Trade Vehicle Takaful</li> <li>IKHLAS Special Type Vehicle Takaful</li> </ul>

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA BERURUSAN DENGAN BENGKEL-BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN YANG KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENGEMUKAKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA PENGENDALI TAKAFUL ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

*Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/09/2019*